UUM Universiti Utara Malaysia
NEWS HIGHLIGHTS
STRAITS TIMES | Utusan Malaysia | Kosmo! | BH
Sinar | Star | Metro
Date: 21/10/26 Page: 25
#ukm



BANTUAN tunai menjadi batu loncatan yang membebas dan melindungi isi rumah daripada kerentanan kewangan jangka panjang.

Belanjawan 2027 perlu impak nyata pada poket rakyat

PEMBENTANGAN Belanjawan 2027 bernilai RM510 bilion bukan sekadar terletak pada 'saiz angka' yang diumumkan, melainkan bagaimana angka tersebut menterjemahkan impak nyata kepada poket dan keharmonian hidup rakyat.

Dalam pengurusan kewangan awam, kecekapan belanjawan boleh dilihat menerusi tiga tiang utama: Input, output, dan *outcome*.

- Input merujuk kepada modal wang ringgit yang diperuntukkan seperti angka RM510 bilion yang diumumkan.
- Output ialah sasaran fizikal yang berjaya disiapkan atau diagihkan, contohnya bilangan penerima bantuan, jumlah peserta latihan, atau bilangan projek yang selesai.
- *Outcome* pula ialah 'kemuncak' yang paling dinantikan iaitu sejauh mana kehidupan rakyat benar-benar berubah menjadi lebih baik hasil daripada pelaksanaan program tersebut.

Langkah kerajaan memperuntukkan RM16 bilion bagi Sumbangan Tunai Rahmah (STR) dan Sumbangan Asas Rahmah (SARA) memberikan kelegaan (input) serta-merta kepada jutaan isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana (output).

Bagi melengkapkan formula kejayaan ini, nilai *outcome* yang ingin dicapai adalah untuk melihat bantuan tunai ini menjadi batu loncatan yang membebas dan melindungi isi rumah daripada kerentanan kewangan jangka panjang. Melalui sinergi bimbingan pengurusan kewangan dan insentif peningkatan pendapatan, isi rumah bukan sahaja mampu membeli keperluan asas harian, malah berkeupayaan membina simpanan kecemasan keluarga yang lebih kukuh.

Pelaburan RM8 bilion untuk Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) serta RM3 bilion melalui HRD Corp (input) membuktikan kesungguhan kerajaan mempersiapkan modal insan tempatan mendepani era kecerdasan buatan (AI) dan automasi. Sasaran melatih tiga juta peserta (output) merupakan pencapaian fasa awal.

Seterusnya, ukuran *outcome* yang diimpikan rakyat dan industri adalah penterjemahan latihan tersebut kepada kadar kebolehpasaran yang tinggi, peluang pekerjaan berkualiti, serta peningkatan tangga gaji yang setimpal. Pemadanan kemahiran yang tepat dengan keperluan industri masa depan sudah tentu akan membolehkan tenaga kerja tempatan memacu produktiviti negara ke aras baharu.

Begitu juga dalam sektor keusahawanan, penyediaan dana pembiayaan dan jaminan RM57 bilion (input) bagi perusahaan mikro, kecil, dan sederhana (PMKS) merupakan suntikan modal yang amat bermakna. Kelulusan pembiayaan kepada ribuan peniaga tempatan (output) membuktikan keprihatinan kerajaan untuk merancakkan semula ekosistem perniagaan nasional.

Melangkah ke hadapan, *outcome* yang bakal menyerlahkan keberkesanan inisiatif ini ialah pertumbuhan skala perniagaan, peningkatan hasil jualan, serta penciptaan peluang pekerjaan baharu berskala besar. Sokongan pembiayaan yang diiringi bimbingan pemasaran digital dan pengurusan risiko akan memastikan peniaga bukan sahaja bertahan, malah mampu menembusi pasaran antarabangsa.

Langkah kerajaan menyasarkan pengurangan defisit fiskal kepada 3.3 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mencerminkan disiplin pengurusan kewangan negara. Disiplin ini sejajar dengan pelaksanaan belanjawan berasaskan hasil, di mana setiap ringgit perbelanjaan dinilai secara terancang dan berstruktur.

Apabila pencapaian input dan output berjaya diterjemahkan kepada *outcome* yang mampan, Belanjawan 2027 bukan sahaja mencapai matlamat angka di atas kertas, malah meninggalkan warisan kesejahteraan yang benar-benar dirasai oleh segenap lapisan rakyat Malaysia.

PROFESOR MADYA
DR. RASIDAH MOHD. RASHID
Dekan, Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan dan Felo Penyelidik *Economic & Financial Policy Institute* (ECoFI),
Universiti Utara Malaysia (UUM)